



Headline: 'Kastam' tipu wanita RM13,698.70  
Publication/Portal: Utusan Sarawak  
Date: 3 May 2019

Language: Malay  
Section: Berita Perdana  
Page: 2

## 'Kastam' tipu wanita RM13,698.70

SIBU: Wanita berputih mata selepas berlaku dua kali transaksi pemindahan wang berjumlah RM13,698.70 dari akaun miliknya ke dalam akaun atas nama seseorang tanpa disedari-nya.

Sekitar jam 12.15 tengahari semalam (Rabu), pengadu, 49, bekerja sebagai kerani pengurusan telah menerima panggilan telefon dari seorang lelaki yang memperkenalkan diri kononnya seorang pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Ketua Polis Daerah Sibu, ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, menerusi perbualan telefon suspek memberitahu nama pengadu telah digunakan untuk pendaftaran sebuah syarikat yang mempunyai cukai GST tertunggak lebih kurang RM400,000.

Menurutnya, pengadu pada mulanya

menafikan kesemua pernyataan tersebut dan suspek meminta nombor telefon pengadu untuk disalurkan kepada pihak polis bagi membantu pengadu.

"Pada hari yang sama sekitar jam 12.30 tengahari, pengadu menerima panggilan telefon dari seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Sarjan Tan dari Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu.

"Sarjan Tan memberitahu nama pengadu disalahgunakan dalam penyalahgunaan dadah terus menyambungkan talian tersebut kepada Tuan Yong.

"Tuan pula memberitahu pengadu perlu memindahkan kesemua wang di dalam akaunnya (akaun pengadu) kerana ia akan dibekukan untuk tujuan siasatan.

"Atas dasar percaya, pengadu telah memberikan ID dan kata laluan akaun

atas talian bersama nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) kepada Tuan Yong," jelasnya menerusi satu kenyataan semalam.

Katanya, pengadu telah menerima mesej menyatakan terdapat dua kali transaksi melibatkan pemindahan wang berjumlah RM13,698.70 ke dalam akaun atas nama seseorang.

"Selepas itu, pengadu diminta menyerahkan kata laluan untuk satu lagi akaun miliknya, tetapi pengadu sedar dirinya telah ditipu. Pengadu tampil membuat laporan polis," ujarnya.

ACP Stanley memberitahu, modus operandi suspek memperdayakan pengadu untuk memindahkan wang dengan menyamar sebagai pegawai kastam dan pegawai polis.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," tegasnya.